

101

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD

TARIKH : 20.11.2017

SOALAN : NO. 48

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilakah peruntukan pendidikan yang telah dikurangkan sebanyak 17% akan dikembalikan ke tahap asal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menerima peningkatan peruntukan secara keseluruhan pada tahun 2018 sebanyak 13.15% berbanding tahun sebelumnya. Ia melibatkan peningkatan peruntukan mengurus sebanyak 13.63% dan peruntukan pembangunan sebanyak 11.36%.

Selain itu, melalui pembentangan Bajet 2018 juga, KPT turut menerima peningkatan peruntukan bagi tujuan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan sebanyak 41.25% kepada RM400 juta. Peningkatan peruntukan ini dijangka dapat membangunkan aktiviti-aktiviti penyelidikan di universiti yang bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada komuniti dan masyarakat malah pada masa yang sama dapat menjana pendapatan universiti. Universiti Malaya (UM) pada masa yang sama turut menerima peningkatan peruntukan sebanyak 20.36% kepada RM453 juta,

peningkatan peruntukan ini dijangka akan membantu UM untuk tersenarai di dalam kelompok 100 universiti terbaik di dunia dalam tempoh 2 tahun.

Pada masa yang sama, KPT menggalakkan universiti awam (UA) untuk tidak hanya bergantung kepada dana awam malah perlu melaksanakan inisiatif masing-masing dalam usaha untuk memperkukuhkan kewangan UA. Antaranya adalah melalui pewujudan tabung endowmen dan waqaf, mengoptimumkan kos dalam sistem pendidikan, pengkomersilan idea dalam perundingan, konsultasi oleh tenaga pakar universiti dan mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman tanpa menjejaskan kualiti pendidikan sedia ada.